

01 DEC 2000

Konsortium

KONSORTIUM GESA CEPATKAN PENGSWASTAAN MAKANAN KE SEKOLAH

KANGAR, 1 Dis (Bernama) -- Konsortium Pembekal Makanan Bumiputera Zon Utara menggesa kerajaan mempercepatkan pengswastaan projek pembekalan makanan mentah ke sekolah-sekolah.

Pengerusi Eksekutifnya, Bahari Ali berkata, kerajaan telah bersetuju melantik konsortium itu bagi membekalkan makanan kepada 26,000 pelajar di 140 buah sekolah yang mempunyai asrama di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Melalui rangkaian perkhidmatannya, beliau yakin, konsortium itu yang diwujudkan pada 1996 berkeupayaan membekalkan makanan mentah kepada para pelajar dengan sempurna.

Menurutnya, konsortium itu adalah antara empat syarikat yang dilantik oleh kerajaan bagi membekalkan makanan mentah di seluruh negara.

Bahari berkata, konsortium itu akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perlunya pengswastaan itu dipercepatkan.

Alasan pengswastaan itu perlu dipercepatkan antara lain ialah untuk membolehkan para pelajar yang tinggal di asrama menikmati makanan yang sempurna sepanjang masa dengan kos yang lebih wajar.

Katanya, para pembekal yang bakal dilantik sebagai francasi juga berpeluang mendapatkan bahan mentah dengan harga yang lebih rendah daripada konsortium.

Ini kerana konsortium itu yang akan membeli bahan mentah dengan kuantiti yang banyak daripada para pengeluarannya akan ditawarkan harga yang lebih rendah.

Konsortium yang dianggotai oleh 157 pembekal makanan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang itu juga bersedia membantu mana-mana pembekal makanan masak yang menghadapi masalah kewangan.

"Kami bersedia menjadi rakan kongsi kepada mereka," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Konsortium itu diwujudkan oleh Persatuan Pembekal-pembekal Makanan Bumiputera Zon Utara.

-- BERNAMA

AD RI